

MEF gesa kerajaan sedia lebih banyak insentif termasuk geran khas

KERAJAAN perlu menyediakan lebih banyak insentif termasuk geran khas kepada majikan bagi menggalakkan lebih banyak syarikat dan organisasi swasta menyediakan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) di tempat kerja. Ketika ini, kerajaan hanya memberi tumpuan dengan memberi geran berjumlah RM50,000 kepada pusat asuhan itu yang dikendalikan jabatan atau agensi kerajaan.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan, berkata apa yang dilihat, kerajaan seolah-olah mengnaktirikan sektor swasta dalam pemberian insentif berkenaan. Penubuhan PAKK memerlukan kos operasi tinggi dan ia terpaksa ditanggung sendiri majikan sekiranya mahu menyediakan PAKK di premis mereka.

Beliau menganggap keupayaan syarikat swasta amat mencabar dari segi penyediaan pusat itu kerana banyak kekangan yang perlu dihadapi. Antaranya, majikan perlu menanggung kos tinggi dari segi pembinaan tempat, ruang yang cukup dan kesesuaian lokasi kerana ia penting untuk pertumbuhan serta pembesaran kanak-kanak.

“Bagi syarikat perkilangan dan pembuatan, penubuhan PAKK dilihat kurang bersesuaian kerana terdedah kepada banyak risiko seperti bahan kimia dan lain-lain yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak,” katanya.

Lazimnya, penubuhan PAKK juga perlu mendapat kelulusan pelbagai pihak dan memenuhi banyak syarat serta spesifikasi tertentu seperti disediakan di tingkat dua bagi bangunan tinggi. Untuk mempromosi penubuhan PAKK agak sukar walaupun ia dianggap sebagai satu kepentingan untuk kesejahteraan dan kebajikan kepada pekerja.

Apa yang penting, katanya, penubuhan PAKK ini dapat mengurangkan kebergantuan



KEADAAN persekitaran Taska Proton di Shah Alam.

ngan negara terhadap pembantu rumah dari negara asing.

“Ketika ini, kira-kira 250,000 pembantu rumah dari Indonesia bekerja di negara ini. Jika kita mempunyai pusat asuhan kanak-kanak, ia dapat menyelesaikan masalah penjagaan anak ketika wanita keluar bekerja,” katanya.

Justeru, beliau mencadangkan kaedah terbaik penubuhan PAKK itu boleh didirikan di kawasan tertentu yang menjadi tumpuan komuniti serta dibiayai bersama antara majikan syarikat swasta dengan pengusaha pusat asuhan.


Kaedah ini dapat menyelesaikan masalah kekurangan ruang atau lokasi yang terhad dan

tidak sesuai di tempat kerja.

Penubuhan Pusat Komuniti Kanak-kanak yang dibina di kawasan tumpuan masyarakat setempat bagi menempatkan kanak-kanak ketika ibu keluar bekerja, sudah diamalkan dengan jayanya di beberapa negara khususnya di Singapura.

Katanya, pusat komuniti itu didirikan tanpa bantuan kerajaan, sebaliknya dana diperoleh daripada hasil kutipan bayaran ibu bapa yang menghantar anak ke tempat itu.

Shamsuddin berkata, pihaknya yakin jika konsep sama diamalkan di negara ini, ia mampu menyelesaikan masalah berkaitan dan memberi banyak faedah kepada ibu bapa.



Shamsuddin Bardan

“Penubuhan pusat komuniti kanak-kanak itu dilihat sebagai langkah berkesan untuk menggalakkan usahawan muda atau wanita menceburi bidang perniagaan. Kita lihat ramai graduan menganggur dan wanita tidak bekerja di negara ini. Mengapa tidak digunakan tenaga mereka dilatih secara profesional bagi mengendalikan PAKK,” katanya.

MEF juga sudah mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia menggalakkan pembabitan graduan menganggur menguruskan PAKK di kawasan tertentu bagi membolehkan ibu bapa menghantar anak ke pusat berkenaan.